

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU: ANALISIS DATA KORPUS

Zaharani Ahmad

zaharani@ukm.my

Shakira Khairudin

kira_5667@yahoo.com

Pusat Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan menghuraikan proses morfologi yang melibatkan penghasilan imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an* dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan data sekunder yang terdapat dalam pangkalan data korpus UKM-DBP yang berjumlah lima juta patah perkataan. Data dijana dengan menggunakan perisian *WordSmith Tools 4.0* dan dipaparkan dalam bentuk baris konkordans. Kata terbitan yang terdiri daripada imbuhan kompleks dikelompokkan dalam kumpulan tertentu berdasarkan jenis imbuhan yang bergabung dengan apitan *ke-...-an*. Data ini dianalisis dan dihuraikan secara deskriptif dan teoretis menurut kerangka teori morfologi leksikal. Dapatkan kajian menunjukkan rumus pembentukan kata yang melibatkan imbuhan kompleks *ke-...-an* terdiri daripada dua strata atau tingkat. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa selain rangkap awalan, rangkap akhiran juga boleh wujud dalam bahasa Melayu.

Kata kunci: imbuhan kompleks, morfologi leksikal, rumus kitaran, korpus, strata

Abstract

The aim of this paper is to describe the morphological process involved in the formation of complex affixes with ke-...-an in Malay. The study made use of secondary data extracted from UKM-DBP corpus database containing five million words. The data were generated using Wordsmith Tools 4.0 and are displayed in rows of concordances. Derived words with complex affixes are classified into groups based on the types of affixes that occurred with ke-...-an. The data are analysed and described within the framework of lexical morphology. The study shows that word formation rules involved in deriving complex affixes with ke-...-an operate on two different strata. The study also shows that the language has two types of affix clusters, namely prefix clusters and suffix clusters.

Keywords: *complex affixes, lexical morphology, cyclic rule, corpus, strata*

PENDAHULUAN

Pengimbuhan ialah satu proses morfologi yang menerbitkan kata dengan cara mencantumkan satu atau lebih imbuhan dengan sesuatu kata dasar untuk menghasilkan satu perkataan yang membawa konsep yang baharu. Kata yang terhasil melalui proses pengimbuhan dikenali sebagai kata terbitan. Proses pengimbuhan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pengimbuhan tunggal dan pengimbuhan kompleks. Pengimbuhan tunggal melibatkan proses penggabungan satu jenis imbuhan dengan kata dasar tunggal, iaitu kata dasar yang tidak mempunyai sebarang imbuhan. Contohnya seperti *bangunkan*, *terbangun* dan *pembangunan*. Pengimbuhan kompleks pula melibatkan penggabungan imbuhan dengan kata dasar terbitan, iaitu kata dasar yang sudah menerima imbuhan. Misalnya seperti *berkebolehan* dan *keberkesanan*.

Makalah ini menghuraikan proses pengimbuhan kompleks yang melibatkan penggabungan *ke-...-an* dengan kata dasar terbitan yang sudah menerima imbuhan sebelumnya. Data yang digunakan dalam kajian ini dipetik daripada pangkalan data korpus UKM-DBP yang mengandungi lima juta patah perkataan. Data dijana dengan menggunakan perisian *WordSmith Tools 4.0* dalam bentuk baris konkordans. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan kerangka teori morfologi leksikal.



PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan pemerian tatabahasa yang telah dilakukan oleh para pengkaji nahu terdahulu (Koh, 1982), Asmah (2009), Hashim (1993), Shahidi (1993), Nik Safiah *et al.* (2008) dan Abdullah (2006), mereka mengakui bahawa terdapat kata dasar terbitan yang boleh bergabung dengan imbuhan apitan *ke-...-an* dan menghasilkan imbuhan kompleks.

Namun demikian, penghuraian yang diberikan masih tidak mendalam dan tidak menyeluruh. Setiap ahli nahu hanya membincangkan satu atau dua jenis imbuhan yang boleh bergabung dan menghasilkan imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an*. Misalnya, Koh (1982) memberikan contoh *ke-...-an* yang bergabung dengan imbuhan awalan *se-* dan *ter-* (contohnya, *kese-...-an* dan *keter-...-an*), Shahidi (1993) menyatakan imbuhan kompleks *kese-...-an* dengan kata kerja, dan Abdullah (2006) mengemukakan contoh *kese-...-an* yang bergabung dengan kata nama.

Selain itu, para pengkaji nahu terdahulu juga tidak menghuraikan setiap peringkat proses morfologi yang berlaku sehingga terhasilnya kata berimbahan kompleks dengan *ke-...-an*. Mereka menyenaraikan contoh imbuhan kompleks *ke-...-an* mengikut golongan kata tertentu secara sepiantas lalu. Mereka tidak memberikan penghuraian tentang urutan penggabungan imbuhan dalam kata terbitan tersebut khususnya penjelasan tentang imbuhan mana yang hadir dahulu dan yang mana hadir kemudian [Koh (1982), Asmah (2009), Nik Safiah *et al.* (2008) dan Abdullah (2006)].

Hal ini berbeza dengan Shahidi (1993) dan Hashim (1993). Mereka telah menghuraikan proses pengimbahan yang melibatkan imbuhan kompleks *ke-...-an* mengikut peringkat-peringkatnya dengan menggunakan gambar rajah pohon. Namun begitu, penghuraian mereka masih belum berpada kerana tumpuan diberikan pada imbuhan kompleks tertentu sahaja. Misalnya, Shahidi (1993) menghuraikan proses pengimbahan kompleks yang melibatkan gabungan apitan *ke-...-an* dengan kata kerja yang menerima imbuhan awalan *se-* (cth. *kese-...-an*), manakala Hashim (1993) pula membincangkan proses pengimbahan yang melibatkan imbuhan kompleks *ke-...-an* dengan awalan *ber-*. (cth. *keberkesanan*.)

Sehubungan itu, kajian ini akan menghuraikan proses pengimbahan yang melibatkan gabungan imbuhan kata nama *ke-...-an* dengan semua imbuhan bahasa Melayu. Huraian ini akan menjelaskan tentang tahap urutan proses penggabungan imbuhan yang berlaku secara tahap demi



ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN


tahap. Ini bertepatan dengan kenyataan Hashim (1987) yang mengatakan bahawa tujuan kajian morfologi bukan sekadar menentukan susunan linear morfem-morfem dalam perkataan, tetapi juga menubuhkan sistem susunan hierarki antara morfem-morfem itu. Penjelasan tentang proses pengimbuhan kompleks ini perlu diberi perhatian kerana penggabungan imbuhan awalan dan akhiran untuk menerbitkan imbuhan kompleks dengan *ke-....-an* itu berlaku secara sistematik dan bukannya berlaku secara sewenang-wenangnya.

TEORI FONOLOGI-MORFOLOGI LEKSIKAL

Andaian asas teori fonologi-morfologi leksikal ialah rumus morfologi, iaitu rumus pembentukan kata dan rumus fonologi dibahagikan kepada satu siri tingkat (*level*) atau strata yang berurutan. Komponen leksikon yang terdiri daripada tingkat-tingkat atau strata itu berfungsi sebagai domain pelaksanaan rumus fonologi dan morfologi. Proses pembentukan kata beroperasi secara berterusan melalui setiap tingkat atau strata, walaupun pada tingkat tertentu tidak berlaku sebarang proses morfologi atau fonologi yang relevan. Ini bermakna perkataan dibentuk melalui pelaksanaan rumus pembentukan kata (*Word Formation Rule*) secara berperingkat-peringkat. Misalnya, rumus pengimbuhan akhiran berlaku di tingkat pertama, dan kemudian diikuti oleh rumus pengimbuhan awalan di tingkat berikutnya. Teori ini juga mengandaikan bahawa setiap output yang dihasilkan pada tingkat atau strata tertentu itu mestilah butiran leksikal.

Satu lagi andaian asas teori fonologi-morfologi leksikal ialah komponen leksikon itu bukan sahaja mengandungi segala maklumat idiosinkratik tentang morfem dan kata, tetapi juga mengandungi segala rumus yang bersifat regular mengenai fonologi dan morfologi. Rumus fonologi ini dikatakan beroperasi dalam komponen leksikon, dan lazimnya pelaksanaan ini didorong atau dimotivasikan melalui proses penggabungan morfem.

Secara ringkasnya, komponen leksikon yang pembahagiannya terdiri daripada tingkat atau strata dapat direpresentasikan seperti dalam Rajah 1, pada halaman 203. Model teori fonologi-morfologi leksikal ini dipetik daripada Kiparsky (1982).



Rajah 1 Model Fonologi-Morfologi Leksikal.

Seperti yang dapat dilihat dalam model di atas, fonologi leksikal terbahagi kepada dua komponen utama, iaitu komponen leksikal dan komponen pascaleksikal. Komponen leksikal mengandungi rumus fonologi yang peka kepada lingkungan terbitan (*derived environment*). Rumus fonologi beroperasi sebaik sahaja setiap proses morfologi selesai dilaksanakan. Output daripada proses fonologi ini kemudiannya menjadi input kepada proses morfologi berikutnya. Namun, dalam perbincangan berikutnya, hanya aspek morfologi yang akan diberi tumpuan, dan aspek fonologi tidak dibincangkan.

HASIL DAPATAN

Hasil dapatan menunjukkan bahawa imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an* ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu imbuhan kompleks *ke-...-an* dengan imbuhan awalan, imbuhan kompleks *ke-...-an* dengan imbuhan akhiran dan imbuhan kompleks *ke-...-an* dengan imbuhan sisipan.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Awalan

Imbuhan *ke-...-an* ialah apitan kata nama yang boleh bergabung dengan

kata dasar terbitan yang sudah menerima awalan *se-*, *pe(N)-*, *ber-* dan *ter-*. Proses pengimbuhan yang melibatkan kesemua imbuhan awalan ini berlaku di strata 1, manakala pengimbuhan apitan *ke-...-an* berlaku di strata 2.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Awalan *Se-*

Nik Safiah *et al.* (2008:236) mendakwa imbuhan awalan *se-* berfungsi untuk menerbitkan kata adjektif apabila bergabung dengan kata dasar tunggal bagi memberi pengertian yang sama. Di samping itu, imbuhan awalan *se-* juga boleh berfungsi sebagai imbuhan kata kerja seperti dalam kata *setuju* dan *sependapat* (Liaw dan Abdullah, 1994). Penggabungan imbuhan apitan *ke-...-an* dengan awalan *se-* ini akan membentuk imbuhan kompleks *kese-...-an* seperti di bawah.

1. Proses penerbitan kata *keseimbangan*

Input	[imbang] _{KK}	
Strata 1	[<i>se</i> [imbang] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /se-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>seimbang</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Ouput	[keseimbangan] _{KN}	

2. Proses penerbitan kata *kesepadan*

Input	[padan] _{KK}	
Strata 1	[<i>se</i> [padan] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /se-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>sepadan</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[kesepadan] _{KN}	

Berdasarkan contoh di atas, kata kompleks *keseimbangan* dan *kesepadan* ialah kata yang terbentuk daripada kata kerja *imbang* dan *padan*. Pada strata 1, kedua-dua kata dasar ini menerima imbuhan awalan *se-* untuk membentuk kata kerja *seimbang* dan *sepadan*. Awalan *se-* dalam kedua-dua kata terbitan ini membawa maksud “sama imbang” dan “sama padan”. Pada strata kedua, kata *seimbang* dan *sepadan* ini menerima imbuhan apitan *ke-...-an* membentuk kata nama *keseimbangan* dan *kesepadan* dan membentuk makna “hal seimbang” dan “hal sepadan”.


Secara umumnya, kata dasar *imbang* dan *padan* boleh menerima imbuhan *-an* terlebih dahulu pada strata 1 bagi membentuk kata *padanan* dan *imbangan*. Namun, ini tidak boleh berlaku kerana apabila *imbangan* dan *padanan* bergabung dengan awalan *se-* maka akan terhasilah

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

seimbangan dan **sepadan*. Dalam data korpus lima juta UKM-DBP, kata *seimbangan* muncul sebanyak tiga kali tetapi kata **sepadan* tidak muncul walaupun sekali. Hal ini membuktikan bahawa proses pengimbuhan awalan *se-* selepas pengimbuhan akhiran *-an* tidak boleh dilaksanakan kerana akan membentuk kata yang tidak gramatis.

Di samping itu, terdapat juga penemuan kata kompleks *kesepakatan* yang merupakan gabungan imbuhan apitan *ke-...-an* dengan awalan *se-* dalam korpus. Kata *kesepakatan* telah ditemui sebanyak 21 kali dalam data korpus. Secara tidak langsung, contoh kata berimbuhan kompleks *ke-...-an* yang pernah diberikan oleh Shahidi (1993) adalah produktif. Namun begitu, analisis tahap urutan penggabungan imbuhan yang dikemukakan oleh beliau tampak bermasalah dari segi teoritisnya. Tahap urutan yang dikemukakan oleh Shahidi yang menggunakan gambar rajah pohon adalah seperti yang berikut:

3. *Kese-...-an + pakat* (kata kerja) = *kesepakatan* (kata nama)



Berasaskan analisis teori morfologi leksikal, pengimbuhan *se-* dengan kata terbitan *pakatan* pada tahap dua tidak dibenarkan kerana **sepakatan* bukan merupakan kata leksikal dalam bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kata kerja *pakat* harus bergabung dengan *se-* terlebih dahulu pada tahap satu. Kemudian pada tahap dua, *sepakat* yang masih lagi tergolong dalam kelas kata kerja akan bergabung dengan imbuhan apitan *ke-...-an* lalu membentuk kata nama *kesepakatan*.

Berdasarkan analisis Shahidi (1993), kata *sepakatan* wujud pada tahap dua. Walau bagaimanapun melalui tinjauan dalam data korpus UKM-DBP, kata **sepakatan* ini tidak wujud sama sekali. Ini menunjukkan bahawa tatatingkat urutan penggabungan imbuhan ini adalah tidak tepat. Kata yang wujud dalam data korpus adalah seperti *pakat*, *pakatan*, *sepakat* dan *kesepakatan*. Selain itu, penggabungan imbuhan awalan *ke-* dengan

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

**sepakatan* pada tahap tiga juga mendatangkan masalah kerana imbuhan awalan *ke-* sudah tidak produktif lagi digunakan pada masa kini. Kami berpendapat dari segi pelaksanaan tatatingkat imbuhan, penggabungan imbuhan awalan *se-* haruslah dilaksanakan terlebih dahulu pada strata 1 sebelum penggabungan dengan apitan *ke-...-an* pada strata 2 seperti di bawah:

4. Proses penerbitan kata *kesepakatan*

Input	[pakat] _{KK}	
Strata 1	[<i>se</i> [pakat] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /se-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>sepakat</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[<i>kesepakatan</i>] _{KN}	

Situasi yang sama juga berlaku bagi kata kompleks *keseorangan*. Dalam data korpus lima juta, kata *keseorangan* telah ditemui sebanyak 22 kali. Berikut ialah urutan penggabungan imbuhan bagi kata *keseorangan*.

5. Proses penerbitan kata *keseorangan*

Input	[orang] _{KN}	
Strata 1	[<i>se</i> [orang] _{KN}] _{KN}	pengimbuhan awalan /se-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>seorang</i>] _{KN} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[<i>keseorangan</i>] _{KN}	

Kata kompleks ini bermula daripada kata dasar tunggal *orang* yang tergolong dalam kelas kata nama. Pada peringkat pertama, kata dasar ini menerima awalan *se-* yang membawa makna “satu” membentuk kata nama *seorang*. Awalan *se-* merupakan imbuhan yang membawa makna kata nama dan kata adjektif (Nik Safiah *et al.*, 2008). Seterusnya, *seorang* bergabung dengan imbuhan apitan *ke-...-an* menghasilkan kata nama *keseorangan*.

Menurut Arbak (1985:22), imbuhan apitan *ke-...-an* ini tidak berupa kata kerja sepanjang masa. Beliau mengatakan bahawa ada sesetengah imbuhan apitan *ke-...-an* boleh beralih fungsi sebagai kata keterangan sekiranya ia menerangkan kata kerja lain dalam ayat-ayat tertentu. Contohnya, perkataan *keseorangan*. Pendapat ini berbeza dengan Abdullah (2006:109) yang menyatakan imbuhan apitan *ke-...-an* dalam *keseorangan* membawa fungsi kata kerja pasif, iaitu perbuatan yang mengenai sesuatu.

Selain itu, kami tidak bersetuju dengan pemerian Shahidi (1993) yang menjelaskan bahawa imbuhan kompleks *kese-...-an* hanya boleh

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

bergabung dengan kata kerja sahaja. Ini kerana imbuhan kompleks *kese-...-an* yang bergabung dengan kata nama telah ditemui dalam data korpus. Antaranya *keselarasan* yang telah muncul sebanyak 13 kali, *keserupaan* dan *kesetaraan* yang masing-masing muncul sekali dalam data korpus jelas membuktikan bahawa kata imbuhan kompleks *kese-...-an* boleh bergabung dengan kata nama seperti *rupa*, *laras* dan *tara*.

Pembentukan kata *keselarasan*, *keserupaan* dan *kesetaraan* yang berlaku adalah sama seperti kata *keseimbangan* sebelum ini. Ia bermula dengan proses pengimbuhan awalan *se-* dengan kata dasar *laras*, *rupa* dan *tara* pada strata 1 yang membawa maksud “sama laras”, “sama rupa” dan “sama tara”. Kemudiannya, penggabungan apitan *ke-...-an* dengan kata nama terbitan *selaras*, *serupa* dan *setara* berlaku pada strata 2. Ini kerana kata **larasan*, **rupaan* dan **taraan* bukan kata yang membawa makna dalam bahasa Melayu sekiranya kata nama ini bergabung dengan akhiran *-an* pada strata 1.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan *Pe(N)*-

Imbuhan awalan *pe(N)-* ialah bentuk imbuhan yang digandingkan dengan kata dasar untuk menghasilkan kata nama terbitan dengan mendukung makna tertentu yang ditambahkan pada makna asal kata dasar (Nik Safiah *et al.*, 2008). Apabila apitan *ke-...-an* bergabung dengan awalan *pe(N)-* maka akan menghasilkan imbuhan kompleks *kepe(N)-...-an* seperti contoh di bawah.

6. Proses penerbitan kata *kependudukan*

Input	[duduk] _{KK}	
Strata 1	[<i>pe(N)</i> [duduk] _{KK}] _{KN}	pengimbuhan awalan /pe(N)-/
	[<i>pen</i> [duduk] _{KK}] _{KN}	rumus asimilasi nasal
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>penduduk</i>] _{KN} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Ouput	[<i>kependudukan</i>] _{KN}	

Proses penerbitan kata kompleks *kependudukan* bermula dengan proses pengimbuhan awalan *pe(N)-* pada strata 1 dengan kata kerja *duduk*, lalu menghasilkan kata nama *penduduk*. Pada strata ini juga terlaksananya rumus fonologi asimilasi nasal¹ yang mengubah *pe(N)-* menjadi *pen-* setelah bertemu dengan kata dasar *duduk*. *Pen-* dalam kata *penduduk* membawa makna “orang yang duduk”. Sejurusnya, berlaku proses pengimbuhan kata nama *penduduk* dengan apitan *ke-...-an* menerbitkan

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

kata nama *kependudukan* yang merujuk kepada “hal-hal yang berkaitan dengan penduduk”.

Selain itu, kata *kepemimpinan*, *kepenyeliaan* dan *kepengarangan*, iaitu contoh imbuhan kompleks *kepe(N)-...-an* dengan kata kerja juga telah ditemui dalam korpus yang masing-masing muncul sebanyak 76 kali, 29 kali dan sekali dalam data korpus. Berikut ialah urutan tahap penggabungan imbuhan bagi kata *kepemimpinan*, *kepenyeliaan* dan *kepengarangan*.

7. Proses penerbitan kata *kepemimpinan*

Input	$[pimpin]_{KK}$	
Strata 1	$[pe(N)- [pimpin]_{KK}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /pe(N)-/
	$[pe [mimpin]_{KK}]_{KN}$	rumus penggantian nasal
Strata 2	$[ke [pemimpin]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kepemimpinan]_{KN}$	

8. Proses penerbitan kata *kepengarangan*

Input	$[karang]_{KK}$	
Strata 1	$[pe(N) [karang]_{KK}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /pe(N)-/
	$[pe [ngarang]_{KK}]_{KN}$	rumus penggantian nasal
Strata 2	$[ke [pengarang]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kepengarangan]_{KN}$	

9. Proses penerbitan kata *kepenyeliaan*

Input	$[selia]_{KK}$	
Strata 1	$[pe(N) [selia]_{KK}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /pe(N)-/
	$[pe [nyelia]_{KK}]_{KN}$	rumus penggantian nasal
Strata 2	$[ke [penyelia]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kepenyeliaan]_{KN}$	

Pada strata 1, kata kerja *pimpin*, *karang* dan *selia* bergabung dengan imbuhan awalan *pe(N)-*. Pada peringkat ini, kata kerja ini akan mengalami proses penggantian nasal. Proses ini bermaksud huruf pertama kata dasar akan luluh dan digantikan dengan bunyi nasal yang homorgan. Selepas itu, kata terbitan tersebut menerima apitan *ke-...-an* menghasilkan kata kompleks *kepemimpinan*, *kepengarangan* dan *kepenyeliaan*.² Namun demikian, penjelasan tentang rumus penggantian nasal dalam kajian ini hanya dibincangkan secara sepintas lalu kerana kajian ini memberi tumpuan pada proses morfologi dalam menerbitkan imbuhan kompleks *ke-...-an*.



IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Awalan *Ber-*.

Menurut Nik Safiah *et al.* (2008:165) awalan *ber-* ialah awalan kata kerja yang membawa pengertian berlakunya sesuatu mengikut makna yang terdapat dalam kata dasar. Misalnya awalan *ber-* dalam kata terbitan *bergantung*, membawaerti “melakukan perbuatan gantung”. Penggabungan imbuhan apitan *ke-...-an* dengan awalan *ber-* telah menerbitkan imbuhan kompleks *keber-...-an*. Antara contoh kata yang ditemui dalam data korpus ialah *kebergantungan* dan *keberangkatan*. Proses penerbitan kata terbitan tersebut adalah seperti yang berikut:

10. Proses penerbitan kata *kebergantungan*

Input	[gantung] _{KK}	
Strata 1	[<i>ber</i> [gantung] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>bergantung</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Ouput	[<i>kebergantungan</i>] _{KN}	

11. Proses penerbitan kata *keberangkatan*

Input	[angkat] _{KK}	
Strata 1	[<i>ber</i> [angkat] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>berangkatan</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[<i>keberangkatan</i>] _{KN}	

Berdasarkan kata terbitan (10) dan (11) di atas, proses pengimbuhan dengan awalan *ber-* berlaku pada strata 1 membentuk kata terbitan *bergantung* dan *berangkatan*. *Ber-* dalam kata terbitan ini merupakan awalan kata kerja yang membawa makna “melakukan perbuatan gantung” dan “melakukan perbuatan angkat”. Seterusnya, kata terbitan *bergantung* dan *berangkatan* menerima imbuhan apitan *ke-...-an* pada strata 2 untuk menerbitkan kata nama *kebergantungan* dan *keberangkatan* yang membawa erti “hal yang berkaitan dengan perbuatan gantung dan angkat”.

Walau bagaimanapun setelah diteliti, ada bukti menunjukkan proses pengimbuhan dengan awalan *ber-* dilaksanakan pada strata kedua, seperti yang ditunjukkan dalam kata terbitan *berkeyakinan*.

12. Proses penerbitan kata *berkeyakinan*

Input	[yakin] _{KA}	
Strata 1	[<i>ke</i> [yakin] _{KA} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Strata 2	[<i>ber</i> [keyakinan] _{KN}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber- /
Output	[<i>berkeyakinan</i>] _{KK}	

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

Contoh (12) memperlihatkan kata *berkeyakinan* terbentuk hasil daripada penggabungan kata adjektif *yakin* dengan imbuhan apitan *ke-...-an* pada strata 1. Kata terbitan *keyakinan* membawa erti “perihal yakin”. Kemudian, kata terbitan *keyakinan* bergabung dengan awalan *ber-* pada strata 2 untuk membentuk kata *berkeyakinan* yang membawa makna “mempunyai perihal yakin”. Pelaksanaan proses pengimbuhan awalan *ber-* yang berlaku pada strata 2 dalam kata *berkeyakinan* ini adalah berbeza dengan kata *kebergantungan* dan *keberangkatan* yang menunjukkan proses pengimbuhan awalan *ber-* itu berlaku pada strata 1.

Hal ini sekali gus bertentangan dengan prinsip teori morfologi leksikal yang menegaskan bahawa pelaksanaan proses pengimbuhan bagi sesuatu jenis imbuhan itu hanya boleh berlaku pada satu strata sahaja. Dengan kata lain, sesuatu imbuhan itu tidak boleh berubah daripada satu strata satu ke satu strata yang lain.

Berdasarkan kata terbitan *berkeyakinan*, ternyata proses pengimbuhan dengan awalan *ber-* seharusnya berlaku pada strata 2. Manakala bagi awalan *ber-* dalam kata *kebergantungan* dan *keberangkatan* pula, penggabungan berlaku pada strata 1. Untuk menangani isu ini, penulis merumuskan bahawa kedua-dua proses pengimbuhan tersebut berlaku di strata 2.

13. Proses penerbitan kata *kebergantungan*

Input	[gantung] _{KK}	
Strata 1	-	
Strata 2	[<i>ber</i> [gantung] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/ (kitaran 1)
	[<i>ke</i> [<i>ber</i> [gantung] _{KK}] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/ (kitaran 2)
Ouput	[kebergantungan] _{KN}	

14. Proses penerbitan kata *keberangkatan*

Input	[angkat] _{KK}	
Strata 1	-	
Strata 2	[<i>ber-</i> [angkat] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/ (kitaran 1)
	[<i>ke</i> [<i>ber</i> [angkat] _{KK}] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/ (kitaran 2)
Output	[keberangkatan] _{KN}	



IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

15. Proses penerbitan kata *berkeyakinan*

Input	[yakin] _{KA}	
Strata 1	-	
Strata 2	[ke [yakin] _{KA} an] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/ (kitaran 1)
	[ber [ke [yakin] _{KA} an] _{KN}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/ (kitaran 2)
Ouput	[berkeyakinan] _{KK}	

Paparan tatatingkat bagi kata *kebergantungan*, *keberangkatan* dan *berkeyakinan* di atas sudah jelas menunjukkan bahawa proses pengimbuhan dengan awalan *ber-* dan apitan *ke-...-an* perlu berlaku pada strata 2. Situasi ini berbeza dengan proses penggabungan imbuhan apitan *ke-...-an* dengan awalan *se-*, *pe(N)-* dan *me(N)-* yang dibincangkan sebelum ini, iaitu kata dasar bergabung dengan awalan *se-* dan *pe(N)-* pada strata 1 terlebih dahulu sebelum berpindah ke strata 2 untuk bergabung dengan apitan *ke-...-an*. Oleh yang demikian, perlulah ditegaskan di sini bahawa tidak semua proses pengimbuhan bagi imbuhan awalan berlaku pada strata 1.

Suatu yang perlu ditegaskan di sini ialah berlaku pelaksanaan rumus kitaran (*cyclic rule*)³. Proses pengimbuhan bermula dengan penggabungan kata kerja *angkat* dan *gantung* dengan awalan *ber-* pada kitaran pertama di strata 2 untuk membentuk kata kerja terbitan *bergantung* dan *berangkat*. Seterusnya, kata kerja terbitan ini menerima imbuhan apitan *ke-...-an* pada kitaran kedua di strata yang sama untuk menghasilkan kata nama *kebergantungan* dan *keberangkatan*. Penggabungan kedua-dua jenis imbuhan ini secara berturutan dilaksanakan berdasarkan rumus kitaran (*cyclic*).

Dalam analisis morfologi, rumus kitaran menunjukkan proses pengimbuhan yang berlaku di strata yang sama. Imbuhan yang berada di strata yang sama ini boleh mengalami proses yang berbeza, iaitu sama ada *ke-...-an* mendahului *ber-* dalam kata *kebergantungan* (*keber-...-an*) atau *ber-* mendahului *ke-...-an* seperti dalam kata *berkeyakinan* (*berke-...-an*).

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Awalan Ter-

Awalan *ter-* terdiri daripada satu bentuk sahaja, iaitu *ter-* yang digabungkan dengan semua kata dasar (Nik Safiah *et al.*, 2008). Perkataan-perkataan yang menerima awalan *ter-* membentuk kata kerja yang membawa berbagai-bagai pengertian. Antaranya ialah perbuatan yang tidak sengaja,

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

keupayaan atau keadaan tersedia. Apabila imbuhan apitan *ke-...-an* bergabung dengan awalan *ter-*, maka akan terbentuk imbuhan kompleks *keter-...-an*. Salah satu kata yang mempunyai imbuhan kompleks *keter-...-an* yang ditemui dalam data korpus ialah *keterbukaan*.

16. Proses penerbitan kata *keterbukaan*

Input	[buka] _{KK}	
Strata 1	[<i>ter</i> [buka] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ter-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>terbuka</i>] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Ouput	[<i>keterbukaan</i>] _{KN}	

Proses pengimbuhan di atas bermula dengan kata kerja *buka*. Pada strata 1, kata kerja *buka* menerima imbuhan awalan *ter-* terlebih dahulu lalu menghasilkan kata kerja *terbuka*. Awalan *ter-* dalam kata *terbuka* membawa makna “keadaan yang sudah sedia terbuka”. Seterusnya, *terbuka* bergabung dengan apitan *ke-...-an* menerbitkan kata nama *keterbukaan* yang bermakna “hal-hal yang berkaitan dengan keadaan yang sudah sedia terbuka”. Selain itu, dakwaan ahli nahu seperti Asmah (2009) yang memberikan contoh *keter-...-an* dengan kata kerja *libat* ternyata benar kerana kemunculannya wujud sebanyak 18 kali dalam data korpus.

Selain itu, imbuhan kompleks *keter-...-an* turut boleh bergabung dengan kata adjektif seperti *miskin* menerbitkan kata *ketermiskinan*. Kata *ketermiskinan* ini walaupun muncul sebanyak sekali tetapi telah berjaya membuktikan kewujudannya dalam konteks penggunaan bahasa yang sebenar. Berikut ialah urutan penggabungan imbuhan untuk membentuk kata nama *ketermiskinan*.

17. Proses penerbitan kata *ketermiskinan*

Input	[miskin] _{KA}	
Strata 1	[<i>ter</i> [miskin] _{KA}] _{KA}	pengimbuhan awalan /ter-/
Strata 2	[<i>ke</i> [<i>termiskin</i>] _{KA} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan/ke-...-an/
Output	[<i>ketermiskinan</i>] _{KN}	

Contoh urutan tahap penggabungan imbuhan di atas membuktikan bahawa imbuhan kompleks *keter-...-an* boleh bergabung dengan kata dasar tunggal *miskin* yang tergolong dalam kata adjektif. Pada strata 1, kata *miskin* bergabung dengan imbuhan awalan *ter-* menerbitkan kata adjektif *termiskin* yang membawa maksud “paling miskin” manakala kata nama *ketermiskinan* membawa erti “hal yang berkaitan dengan paling miskin”.



IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

Satu lagi kata terbitan yang ditemui dalam korpus ialah *keterbelakangan*. Kata ini merupakan kata kompleks yang terhasil daripada gabungan imbuhan apitan *ke-...-an* dan *ter-* dengan kata arah, iaitu *belakang*. Sebelum ini, tidak ada pengkaji yang memberikan contoh dan membincangkan imbuhan kompleks *ke-...-an* (*keter-...-an*) dengan kata arah (*belakang*). Kata kompleks *keterbelakangan* berasal daripada kata dasar *belakang*. Urutan penggabungan imbuhan kata kompleks *keterbelakangan* ini dapat digambarkan seperti di bawah:

18. Proses penerbitan kata *keterbelakangan*

Input	$[belakang]$	_{KArab}		
Strata 1	$[ter [belakang]]$	_{Karah}	_{KA}	pengimbuhan awalan /ter-/
Strata 2	$[ke [terbelakang]]$	_{KA}	_{an}	_{KN} pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[keterbelakangan]$		_{KN}	

Kata *terbelakang* membawa erti kata adjektif yang merujuk kepada “tempat atau bahagian paling belakang”. Kemudian, *terbelakang* bergabung dengan apitan *ke-...-an* membentuk kata nama *keterbelakangan* pada strata 2. *Keterbelakangan* merujuk kepada “perihal yang berkaitan dengan tempat atau bahagian paling belakang”.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Awalan Bahasa Asing

Menurut Asmah (2009), apitan *ke-...-an* mengambil kata kerja dalam bentuk akar atau yang sudah mendapat penambah *ber-* atau *ter-*. Namun, daripada data korpus didapati ada juga apitan *ke-...-an* yang mengambil kata dasar terbitan yang sudah menerima awalan *juru-* dan *maha-*.

Dalam sejarah awalnya, *juru-* merupakan kata penuh tetapi perkembangannya kemudiannya menunjukkan bahawa *juru-* sudah berfungsi sebagai awalan dan kata ini bergabung dengan kata dasar yang berupa kata nama (KN), kata kerja (KK) atau dengan morfem terikat (Asmah, 2009). Contohnya, kata *jurutera* (*juru-* dengan morfem terikat) yang bermakna “orang yang menjalankan sesuatu”. Abdullah Hassan (1993:93) menyatakan bentuk ejaan *juru-* tidak berubah dengan sebarang kata dasar. Awalan ini hanya memberi makna ahli atau pakar bagi melakukan perbuatan dalam kata dasar. *Maha-*pula merupakan imbuhan Sanskrit yang telah terserap lama dalam bahasa Melayu. Imbuhan ini berfungsi melahirkan kata adjektif dan kata nama yang membawa pengertian paling atau tahap terbesar, tertinggi dan teragung.



ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

Proses penggabungan morfem kompleks yang terbentuk secara berperingkat-peringkat ini dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

19. Proses penerbitan kata *kejurulatihan*

Input	$[latih]_{KK}$	
Strata 1	$[juru [latih]_{KK}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /juru-/
Strata 2	$[ke [jurulatih]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kejurulatihan]_{KN}$	

Pembentukan kata *kejurulatihan* ini bermula dengan kata dasar *latih* yang tergolong dalam kelas kata kerja. Kemudian kelas kata ini berubah menjadi kata nama apabila kata dasar *latih* menjadi *jurulatih* selepas menerima awalan *juru-*. Awalan *juru-* ini membawa pengertian “ahli atau pakar bagi melakukan perbuatan dalam kata dasar supaya mahir”. Akhir sekali, *jurulatih* bergabung dengan imbuhan *ke-...-an* membentuk *kejurulatihan* yang juga tergolong dalam kata nama yang memberi maksud “hal yang berkaitan dengan jurulatih dari segala aspeknya”.

20. Proses penerbitan kata *kejururawatan*

Input	$[rawat]_{KK}$	
Strata 1	$[juru [rawat]_{KK}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /juru-/
Strata 2	$[ke [jururawat]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kejururawatan]_{KN}$	

Kata *kejururawatan* pula bermula daripada kata dasar *rawat* yang tergolong dalam kelas kata kerja. Kata dasar *rawat* telah berubah menjadi kata nama setelah menerima imbuhan awalan *juru-* lalu membentuk kata terbitan *jururawat* yang bermakna “orang yang mahir atau kerjanya merawat orang sakit”. Setelah itu, imbuhan apitan *ke-...-an* bergabung dengan *jururawat* untuk menghasilkan kata nama terbitan *kejururawatan* yang bermaksud “hal yang berkaitan dengan jururawat”.

21. Proses penerbitan kata *kemahasiswaan*

Input	$[siswa]_{KN}$	
Strata 1	$[maha- [siswa]_{KN}]_{KN}$	pengimbuhan awalan /maha-/
Strata 2	$[ke- [mahasiswa]_{KN} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kemahasiswaan]_{KN}$	

Bagi kata kompleks *kemahasiswaan*, berasal daripada kata *siswa* yang berfungsi sebagai kata dasar tunggal yang bergabung dengan imbuhan

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

Sanskrit *maha-* lalu menghasilkan *mahasiswa*. Kata terbitan *mahasiswa* tergolong dalam kelas kata nama. Awalan *maha-* dalam kata ini membawa makna “paling, tahap terbesar atau tertinggi yang merujuk kepada pelajar di universiti”. Seterusnya, *mahasiswa* menjadi *kemahasiswaan* setelah menerima imbuhan apitan *ke-...-an* dan membawa makna “hal yang berkaitan dengan mahasiswa”.

Kata terbitan seterusnya terbina daripada gandingan imbuhan apitan *ke-...-an* dengan imbuhan awalan *bi-* membentuk imbuhan kompleks *kebi-...-an* yang wujud sebanyak enam kali dalam data korpus.

22. Proses penerbitan kata *kebiadaban*

Input	$[adab]$ _{KA}	
Strata 1	$[bi [adab]]$ _{KA}	pengimbuhan awalan /bi-/
Strata 2	$[ke [biadab]]$ _{KA} $[an]$ _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kebiadaban]$ _{KN}	

Kata terbitan *kebiadaban* berasal daripada kata dasar *biadab* yang merupakan kata sifat atau adjektif. Kata *biadab* diterbitkan daripada gabungan imbuhan awalan *bi-* dengan kata adjektif *adab*. Awalan *bi-* merupakan imbuhan yang membawa erti “tidak” yang berasal daripada bahasa Parsi dan jika digabungkan dengan kata nama *adab*, ia membawa maksud tidak mempunyai *adab* (Nik Safiah *et al.*, 2008). Pada peringkat terakhir, kata *biadab* menerima kehadiran imbuhan apitan *ke-...-an* lalu membentuk kata nama *kebiadaban* yang bermaksud “perihal kelakuan biadab”.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Akhiran

Berdasarkan sumber data korpus didapati imbuhan *ke-...-an* boleh bergabung dengan kata dasar yang sudah menerima akhiran. Contoh kata jenis ini belum pernah dinyatakan oleh ahli-ahli nahu sebelum ini (Koh (1982), Asmah (2009), Hashim (1993), Shahidi (1993), Nik Safiah *et al.* (2008) dan Abdullah 2006)).

Imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an* dengan akhiran *-wan*

Menurut Nik Safiah *et al.* (2008:307), akhiran *-wan* akan menerbitkan kata nama yang membawa pengertian pelaku sesuatu perbuatan, pekerjaan atau tugas atau pemilik sesuatu sifat atau kepunyaan. Tambah beliau lagi, akhiran *-wan* ini digunakan untuk bentuk kata dasar yang berakhir dengan

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

huruf selain daripada huruf /i/. Gabungan antara apitan *ke-...-an* dengan akhiran *-wan* ini akan membentuk imbuhan kompleks *ke-....-wana*.

23. Proses penerbitan kata *keusahawanan*

Input	[usaha] _{KK}	
Strata 1	[[usaha] _{KK} <i>wan</i>] _{KN}	pengimbuhan akhiran /-wan/
Strata 2	[<i>ke</i> [usahawan] _{KN} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Ouput	[keusahawanan] _{KN}	

Berdasarkan penerbitan kata di atas, kata terbitan *keusahawanan* berhasil daripada kata dasar tunggal *usaha* melalui dua peringkat. Pada strata pertama, *usaha* yang tergolong dalam kata kerja menerima imbuhan asing *-wan* menjadi *usahawan* dan bertukar kelas kata kepada kata nama. Imbuhan asing *-wan* dalam kata kompleks ini membawa maksud “pelaku sesuatu perbuatan, pekerjaan atau tugas”. Pada strata kedua, kata terbitan *usahawan* bergabung dengan imbuhan apitan *ke-...-an* membentuk kata nama *keusahawanan* yang bermaksud “hal yang berkaitan dengan pekerjaan”. Kata kompleks *keusahawanan* ini telah muncul sebanyak 19 kali dalam data korpus. Contoh lain yang tergolong dalam imbuhan kompleks yang sama ialah *kebangsawanan*.

24. Proses penerbitan kata *kebangsawanan*

Input	[bangsa] _{KN}	
Strata 1	[[bangsa] _{KN} <i>wan</i>] _{KN}	pengimbuhan akhiran /-wan/
Strata 2	[<i>ke</i> - [bangsawan] _{KN} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[kebangsawanan] _{KN}	

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Imbuhan Sisipan

Imbuhan sisipan ialah imbuhan yang diselitkan di antara unsur-unsur kata dasar. Contohnya, sisipan *-em-* dalam kata *gemuruh*. Dapatan kajian menunjukkan imbuhan kompleks *ke-...-an* juga boleh bergabung dengan kata dasar yang sudah menerima imbuhan sisipan *-em-*, *-in-* dan *-er*. Misalnya, kata *kegemilangan*, *kesinambungan* dan *kecemerlangan*. Data korpus menunjukkan kata terbitan *kecemerlangan* mencatatkan jumlah keproduktifan yang tertinggi, iaitu sebanyak 275 kali, diikuti *kegemilangan* sebanyak 135 kali dan *kesinambungan* sebanyak 110 kali.



IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

Imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an* dengan sisipan *-em-*

Sisipan *-em-* berfungsi untuk menerbitkan kata adjektif apabila bergabung dengan beberapa kata dasar (Nik Safiah *et al.*, 2008). Penggabungan apitan *ke-...-an* dengan kata yang mempunyai sisipan *-em-* akan menerbitkan kata terbitan *kecemerlangan*.

25. Proses penerbitan kata *kecemerlangan*

Input	$[cerlang]_{KA}$	
Strata 1	$[em [cerlang]_{KA}]_{KA}$	pengimbuhan sisipan /-em-/
Strata 2	$[ke [cemerlang]_{KA} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kecemerlangan]_{KN}$	

Pada strata 1, kata adjektif *cerlang* menerima imbuhan sisipan *-em-* lalu membentuk kata adjektif *cemerlang* yang bermaksud “gilang-gemilang”. Seterusnya, kata *cemerlang* berubah menjadi kata nama abstrak selepas bergabung dengan apitan *ke-...-an* menghasilkan *kecemerlangan* yang bermaksud “hal yang cemerlang”.

26. Proses penerbitan kata *kegemilangan*

Input	$[gilang]_{KA}$	
Strata 1	$[em [gilang]_{KA}]_{KA}$	pengimbuhan sisipan /-em-/
Strata 2	$[ke [gemilang]_{KA} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[kegemilangan]_{KN}$	

Kata *kegemilangan* terbentuk apabila apitan *ke-...-an* bergabung dengan kata adjektif *gemilang*. Kata *gemilang* terbit daripada kata dasar tunggal *gilang* yang menerima imbuhan sisipan *-em-*. Pembentukan kata terbitan ini melibatkan perubahan kelas kata. Pada strata 1, kelas kata *gilang* masih tidak berubah setelah membentuk kata *gemilang*, iaitu merupakan kata adjektif yang membawa erti “cemerlang”. Namun, pada strata 2 kata *gemilang* berubah menjadi kata nama abstrak selepas menerima imbuhan apitan *ke-...-an* lalu menerbitkan kata *kegemilangan* yang bermakna “hal yang gemilang”.

Imbuhan kompleks kata nama *ke-...-an* dengan sisipan *-in-*

Menurut Nik Safiah *et al.* (2008), setakat ini hanya ada satu kata terbitan sahaja yang terhasil dengan sisipan *-in-*, iaitu *sinambung*. Kenyataan ini ternyata benar apabila hanya kata *kesinambungan* sahaja yang ditemui

dalam korpus. Berikut ditunjukkan proses penerbitan kata terbitan tersebut mengikut tatatingkat urutan.

27. Proses penerbitan kata *kesinambungan*

Input	[sambung] _{KK}	
Strata 1	[<i>in</i> [sambung] _{KK}] _{KK}	pengimbuhan sisipan /-in-/
Strata 2	[<i>ke</i> [sinambung] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[kesinambungan] _{KN}	

Kesinambungan terbit daripada kata dasar terbitan *sinambung*. Kata *sinambung* pula terbentuk daripada gabungan kata dasar tunggal *sambung* yang tergolong dalam kelas kata kerja dengan imbuhan sisipan *-in-* pada strata 1. Kata *sinambung* ini masih tergolong dalam kata kerja, namun beralih menjadi kata nama selepas menerima imbuhan apitan *ke-...-an* yang membawa makna “perihal bersinambungan” pada strata 2.

Imbuhan Kompleks Kata Nama *Ke-...-an* dengan Dua Imbuhan

Imbuhan apitan *ke-...-an* juga boleh bergabung dengan kata dasar terbitan yang mempunyai dua imbuhan. Misalnya, *keberseliratan* (*keberse-...-an*), *keterpelajaran* (*keterpel-...-an*) dan *keterperincian* (*keterpe(N)-...-an*) yang masing-masing ditemui sebanyak sekali dalam data korpus UKM-DBP.

28. Proses penerbitan kata *keberseliratan*

Input	[sirat] _{KN}	
Strata 1	[<i>el</i> [sirat] _{KN}] _{KA}	pengimbuhan sisipan /-el-/
Strata 2	[<i>ber</i> [<i>selirat</i>] _{KA}] _{KK}	pengimbuhan awalan /ber-/: (kitaran 1)
	[<i>ke</i> [<i>ber</i> [<i>selirat</i>] _{KK}] _{KK} <i>an</i>] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/ (kitaran 2)
Output	[keberseliratan] _{KN}	

Kata terbitan *keberseliratan* ialah kata yang terbentuk hasil daripada tiga proses pengimbuhan. Kata ini bermula dengan kata dasar tunggal *sirat* yang tergolong dalam kata nama yang kemudiannya menerima sisipan *-el-* lalu membentuk kata kerja *selirat* pada strata 1. *Selirat* kemudiannya menerima awalan *ber-* dan apitan *ke-...-an* pada strata 2 untuk membentuk kata kompleks *keberseliratan*. Pelaksanaan proses pengimbuhan bagi dua

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA KE-...-AN BAHASA MELAYU

imbuhan pada strata 2 berlaku secara kitaran. Pada kitaran pertama, *selirat* bergabung dengan awalan *ber-* untuk membentuk kata kerja *berselirat*. Pada kitaran kedua, kata *berselirat* bergabung pula dengan apitan *ke-...-an* lalu membentuk kata nama *keberseliratan*. Menurut Asmah (2009), bentuk yang mempunyai sisipan *-el-* adalah sama maknanya dengan bentuk yang tidak mempunyai imbuhan sisipan. Ini bermakna kata *sirat* mempunyai makna yang sama dengan kata *selirat*, iaitu berjalin-jalin atau kusut (*Kamus Dewan*, 2007). Mengikut data yang dipaparkan dalam data korpus, kata *selirat* dan *siratan* memang wujud dalam data korpus, iaitu sebanyak tujuh kali. Proses pengimbuhan seterusnya menunjukkan penghasilan kata terbitan *keterpelajaran*.

29. Proses penerbitan kata *keterpelajaran*

Input	[ajar] _{KK}	
Strata 1	[pel [ajar] _{KK}] _{KN}	pengimbuhan awalan /pel-/ (kitaran 1)
	[ter [pelajar] _{KN}] _{KA}	pengimbuhan awalan /ter-/ (kitaran 2)
Strata 2	[ke [terpelajar] _{KA} an] _{KN}	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	[keterpelajaran] _{KN}	

Proses pembentukan kata *keterpelajaran* turut mengaplikasikan rumus kitaran pada strata 1. Kata *keterpelajaran* bermula daripada kata dasar tunggal *ajar* yang berubah daripada kelas kata kerja kepada kata nama selepas menerima awalan *pel-* pada kitaran pertama pada strata 1. Kemudian, kata *pelajar* bergabung dengan awalan *ter-* untuk membentuk kata adjektif *terpelajar* pada kitaran kedua dalam strata yang sama. Pada strata 2, apitan *ke-...-an* bergabung dengan *terpelajar* menghasilkan kata nama *keterpelajaran*.

Menurut Nik Safiah *et al.* (2008), awalan *pe(N)-* bervariasi dengan *pel-* apabila bergabung dengan kata dasar *ajar* untuk menandakan makna yang menerima “kerja mengajar” atau “orang yang melakukan kerja mengajar”. Imbuhan awalan *ter-* dalam *terpelajar* membawa erti “keupayaan”. Berdasarkan data korpus, kekerapan kata *pelajar* muncul sebanyak 4527 kali.

Imbuhan kompleks seterusnya terdiri daripada *keterpe(N)-...-an* seperti yang terdapat dalam kata *keterperincian*. Bagaimana kata terbitan ini dihasilkan dapat dilihat dalam derivasi pada halaman 220.

30. Proses penerbitan kata *keterperincian*

Input	$[rinci]_{KK}$	
Strata 1	$[pe(N) [rinci]_{KK}]_{KK}$	pengimbuhan awalan /pe(N)-/ (kitaran 1)
	$[pe [rinci]_{KK}]_{KN}$	rumus pengguguran nasal
	$[ter [pe [rinci]_{KK}]_{KN}]_{KA}$	pengimbuhan awalan /ter-/ (kitaran 2)
Strata 2	$[ke [terperinci]_{KA} an]_{KN}$	pengimbuhan apitan /ke-...-an/
Output	$[keterperincian]_{KN}$	

Seperti yang tergambar di atas, rumus kitaran berlaku pada strata 1, iaitu bermula daripada kata nama tunggal yang merujuk kepada ukuran, iaitu *rinci*. Pada kitaran pertama, *rinci* bergabung dengan awalan kata nama *pe(N)*- yang membawa makna “orang yang melakukan kerja” yang terkandung dalam maksud kata dasar, lalu membentuk kata kerja *perinci*.⁴ Pada strata yang sama juga rumus fonologi pengguguran nasal berlaku. Imbuhan *pe(N)*- berubah menjadi *pe-* apabila bergabung dengan kata dasar yang bermula dengan huruf /r/. *Rinci* bermaksud “memecahkan atau membahagi-bahagikan”, manakala *perinci* pula merujuk kepada “orang yang merinci atau alat untuk merinci”. Makna kata *perinci* ini bertepatan dengan definisi yang dikemukakan oleh Noresah (2007:1332), iaitu “orang yang merinci”. Kemudian kata *perinci* bergabung dengan awalan *ter-* menghasilkan *terperinci* yang membawa makna “darjah kepalingan orang yang melakukan kerja merinci” pada kitaran kedua. Apabila turun ke strata kedua, *terperinci* menerima apitan *ke-...-an*, bagi menerbitkan kata nama *keterperincian* yang bermaksud “perihal terperinci”.

KESIMPULAN

Berdasarkan huraian yang telah diberikan, dapat disimpulkan bahawa kajian ini telah menemui beberapa dapatan penting. Pertama, proses pembentukan kata yang melibatkan imbuhan kompleks *ke-...-an* berlaku secara berperingkat-peringkat dan bukannya secara serentak. Kedua, proses pengimbuhan yang melibatkan awalan untuk membentuk kata terbitan berimbahan kompleks *ke-...-an* tidak semestinya berlaku pada strata 1. Ketiga, apitan *ke-...-an* juga boleh bergabung dengan imbuhan akhiran, imbuhan yang dipinjam daripada bahasa asing dan dua jenis imbuhan berurutan bagi membentuk imbuhan kompleks. Penerapan teori

IMBUHAN KOMPLEKS KATA NAMA *KE-...-AN* BAHASA MELAYU

morfologi leksikal telah berjaya menghasilkan satu analisis yang lengkap dan sempurna bagi menjelaskan proses pengimbuhan kompleks dengan *ke-...-an* dalam bahasa Melayu.

NOTA

- ¹ Rumus ini bermaksud bunyi nasal akan berasimilasi dengan bunyi konsonan yang hadir mengikutinya pada semua lingkungan kata. Sila rujuk Zaharani (1993:21–23) untuk keterangan lanjut. Nik Safiah *et al.* (2004:110) mendakwa *pe(N)-* menjadi *pen-* apabila bertemu dengan kata yang bermula dengan huruf *d*, *c*, *j*, *sy*, *z* dan perkataan-perkataan pinjaman yang kata dasarnya bermula dengan huruf *t* dan *s*. Rumus ini bermaksud segmen nasal yang mendahului konsonan obstruen akan kehilangan daerah artikulasinya dan mengalami penyahhubungan (*delinking*). Konsonan nasal tersebut kemudiannya mendapat daerah artikulasi yang baru melalui proses penghubungan (*linking*) dengan konsonan obstruen berikutnya (Teoh, 1994).
- ² Dalam rumus fonologi bahasa Melayu, bunyi obstruen tak bersuara akan mengalami proses pengguguran (lihat Farid 1980, Teoh 1994). Kenyataan ini disokong oleh Zaharani (1993) yang menyatakan bahawa apabila awalan nasal diimbuhkan dengan kata dasar yang konsonan pertamanya ialah obstruen tidak bersuara maka bunyi konsonan berkenaan akan mengalami pengguguran. Contohnya ialah *me(N)-* + pakai menjadi *memakai* dan *me(N)-* + tulis membentuk kata *menulis*. Rumus pengantian nasal merupakan satu perilaku artikulasi yang menyenangkan penyebutan suatu kata (Teoh dan Zaharani, 2006).
- ³ Dalam analisis fonologi autosegmental yang dikemukakan oleh Zaharani dan Teoh (2006), rumus silabifikasi bahasa Melayu diterapkan secara *cyclic* atau berlapis-lapis. Rumus silabifikasi ini berlaku selepas semua rumus fonologi diterapkan pada tahap tersebut. Kemudian rumus silabifikasi diterapkan lagi sehingga bentuk fonetik terakhir dihasilkan. Dalam kajian ini, rumus *cyclic* dikenali sebagai rumus kitaran.
- ⁴ Awalan *pe(N)-* yang hadir sebelum kata kerja boleh merujuk kepada orang, alat atau benda penyebab (Asmah, 2010).

ZAHARANI AHMAD DAN SHAKIRA KHAIRUDIN

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1993. *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Arbak Othman, 1985. *Belajar Tatabahasa dan Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa, 1993. *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kiparsky, P., 1982. “Lexical Morphology and Phonology” dlm. I-S Yang (ed.). *Linguistics in the Morning Calm*. Seoul: Hanshin.
- Kiparsky, P., 1983. *Word Formation and the Lexicon*. Kansas: University of Kansas, Lawrence.
- Koh Boh Boon, 1982. *Mengajar Imbuhan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan. 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohanan, K. P., 1982. *Lexical Phonology*. Disertasi PhD. MIT: Indiana University Club.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shahidi A. Hamid, 1993. “*Imbuhan Kompleks Bahasa Melayu*”. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teoh, Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh, Boon Seong, 1994. “Segmen Nasal Bahasa Melayu” dalam Zaharani Ahmad (ed). *Linguistik Melayu Festchrift Tinta Kenangan Sempena Persaraan Azhar M. Simin dan Farid M. Onn*. Bangi: Jabatan Linguistik UKM.
- Zaharani Ahmad, 1990. “Masalah Awalan Nasal Rangkap dalam Bahasa Melayu” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 34(6): 427–32.
- Zaharani Ahmad, 2008. *Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong, 2006. *Fonologi Autosegmental Penerapannya dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.